

19 AUG 2003

Mahathir-Proton

SYRIA MINAT PASARKAN PROTON, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Syria berminat untuk memasarkan kereta Proton di negara itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, hasrat itu telah disampaikan kepada beliau semasa melakukan lawatan rasminya ke negara itu.

"Damsyik ada potensi sebagai pasaran terbaik (untuk) kereta Proton kita, dan mereka telah menganggap produk Proton lebih baik dalam kategori yang sama," katanya pada sidang media di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang, sekembalinya dari lawatan ke Syria, Algeria dan Swaziland mulai 10 Ogos lepas.

Beliau diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

-- BERNAMA

NER MFJ MAI